

## PELAKSANAAN PEMBELAJARAN ABAD KE 21 SUBJEK PENDIDIKAN ISLAM

### [IMPLEMENTATION OF 21ST CENTURY LEARNING ISLAMIC EDUCATION SUBJECTS]

RADZIAH BUJANG<sup>1\*</sup> & KHADIJAH ABDUL RAZAK<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia.  
Corespondent Email: p118637@siswa.ukm.edu.my

---

Received: 20 May 2024

Accepted: 14 July 2024

Published: 06 August 2024

---

**Abstrak:** Pembelajaran Abad ke 21 (PAK21) merupakan pendekatan pengajaran terkini yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi melahirkan modal insan yang holistik. PAK21 merupakan pengajaran berpusatkan murid yang menekankan 5 elemen utama iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir secara kritis, kemahiran kolaboratif dan kreativiti serta nilai dan etika. Kajian ini dijalankan bagi meneroka pelaksanaan PAK21 dalam bilik darjah bagi subjek Pendidikan Islam serta cabaran penggunaannya dalam PdP guru. Kajian ini bertujuan untuk meninjau permasalahan yang dihadapi oleh para guru dalam melaksanakan PAK21 bagi subjek Pendidikan Islam khasnya. Kajian berbentuk kualitatif telah diaplikasikan bagi mengumpul data bagi melengkapkan kajian ini. Data diperoleh melalui hasil temubual, dan analisis dokumen. Dua orang guru Pendidikan Islam di sebuah SK Agama di Mukah telah terlibat sebagai peserta kajian. Hasil kajian mendapati guru Pendidikan Islam telah melaksanakan Pembelajaran Abad ke 21 dalam pendidikan mereka dengan baik. Mereka telah mengaplikasikan aktiviti PAK21 dalam setiap bidang Pendidikan Islam. Namun, sikap murid sepanjang melaksanakan aktiviti PAK21 merupakan cabaran yang perlu mereka hadapi bagi menjayakan aktiviti tersebut. Justeru itu, melalui kajian ini dapat memberi gambaran kepada banyak pihak berkenaan cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan PAK21 dalam PdP Pendidikan Islam. Seterusnya penambahbaikan dapat dilakukan agar setiap guru dapat melaksanakan PAK21 dalam pengajaran bagi melahirkan modal insan yang seimbang dari segi intelek, jasmani dan rohani agar mampu bersaing secara global pada masa akan datang.

**Kata Kunci:** PAK21, Pendidikan Islam.

**Abstract:** 21st Century Learning (PAK21) is the latest teaching approach introduced by the Ministry of Education Malaysia to produce holistic human capital. PAK21 is a student-centered teaching that emphasizes the 5 main elements of communication skills, critical thinking skills, collaborative skills and creativity as well as values and ethics. This study was conducted to explore the implementation of PAK21 in the classroom for Islamic education subjects as well as the challenges of its use in PdP teachers. This study aims to review the problems faced by teachers in implementing PAK21 for Islamic education subjects in particular. Qualitative research was used to collect data to complete the study. Data were obtained through interviews, and analysis of documents. Two Islamic education teachers in a religious decree in Mukah were involved as study participants. The study found that Islamic education teachers have implemented 21st Century Learning in their education well. They have applied PAK21 activities in every field of Islamic education. However, the attitude of students throughout the implementation of PAK21 activities is a challenge that they must face to make the activities a success. Thus, through this study can provide insight to many parties regarding the challenges faced by teachers

in implementing PAK21 in Islamic education PdP. Further improvements can be made so that every teacher can implement PAK21 in teaching to produce balanced human capital intellectually, physically and spiritually in order to be able to compete globally in the future.

**Keywords:** PAK21, Islamic Education.

**Cite This Article:**

Radziah Bujang & Khadijah Abdul Razak. (2024). Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke 21 Subjek Pendidikan Islam [Implementation Of 21st Century Learning Islamic Education Subjects]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 4(2), 72-86.

## PENDAHULUAN

Pendidikan ialah satu usaha yang terancang untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang dapat mengembangkan potensi individu serta memiliki kekuatan rohani, jasmani, intelek serta peribadi yang mulia (Abd Rahman et al., 2022). Pendidikan juga merupakan aktiviti yang bertujuan untuk mencapai matlamat tertentu, yang merangkumi penghantaran pengetahuan, kemahiran, dan ciri-ciri watak (Chazan, 2022). Terdapat pelbagai kaedah yang telah digunakan oleh para guru sepanjang proses pengajaran dalam bilik darjah. Namun, bagi melahirkan modal insan yang mampu bersaing secara global, perubahan dalam dasar pendidikan telah dilaksanakan agar dapat meningkatkan kualiti pendidikan negara bertaraf dunia (Manibarathi & Sofwan, 2022). Kementerian Pendidikan Malaysia telah merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 –2025 yang membawa kepada pelaksanaan pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) seluruh negara bermula pada tahun 2015. Melalui PAK21, penguasaan kemahiran abad ke-21 perlu ditekankan dalam kurikulum. Antaranya ialah kemahiran kreatif dan inovatif, penyelesaian masalah, pemikiran kritis, dan komunikasi.

Oleh yang demikian, guru perlu memastikan keberkesanan pelaksanaan PAK21 dengan mempersiapkan diri dengan kefahaman dan pengetahuan yang mampan terhadap pelaksanaan PAK21. Seterusnya dapat melahirkan modal insan yang mampu bersaing secara global yang memiliki kemahiran yang pelbagai. Antara pendekatan pengajaran yang boleh diaplikasikan oleh guru dalam PAK21 ialah pendekatan koperatif, pembelajaran masteri, teori kecerdasan pelbagai, kajian kes, kontekstual, kolaboratif dan peta minda. Pendekatan ini boleh disesuaikan dengan topik pembelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Guru perlu merancang pendekatan pengajaran yang sesuai dengan topik pengajaran agar mudah difahami oleh murid dalam masa yang sama dapat menjadikan proses PdPc lebih menarik. Guru yang melibatkan aspek kognitif dan metakognitif dalam strategi pengajaran menjadikan murid menguasai kemahiran subjek yang diajar (Zamri, 2015).

Guru boleh menggunakan media pengajaran seperti video, carta, OHP, peralatan ICT, VCD, filem dan peralatan multimedia seperti LCD dan komputer dalam PdPc Pendidikan Islam untuk menarik minat dan memotivasi pelajar untuk mempelajari Pendidikan Islam di dalam dan di luar bilik darjah. Menurut Mohd Yassin (2010), pembelajaran yang mengetengahkan unsur menarik dan menyeronokkan akan memberi perubahan baharu kepada murid, seterusnya dapat melahirkan murid yang kreatif dan inovatif. Bukan itu sahaja, guru juga dapat membangunkan potensi diri murid melalui pengajaran yang kreatif disamping menjadikan

pembelajaran lebih dinamik dan berkesan terhadap pencapaian akademik dan sahsiah murid (Nur Adibah & Hafizhah, 2021). Pendekatan yang digunakan dalam PdP suatu ketika dahulu adalah berpusatkan guru iaitu guru berperanan sebagai penyampai maklumat dan murid sebagai penerima. Kaedah ini menjadikan suasana pembelajaran kurang menarik serta membosankan. Menurut Mohd Maziz, Saifulazry dan Kasoma (2021) pembelajaran tradisional yang digunakan adalah pembelajaran yang pasif iaitu murid hanya menerima ilmu dan menghafal maklumat yang diterima oleh guru tanpa melibatkan diri secara aktif di dalam kelas. Namun, proses pendidikan masa kini bermatlamatkan kemenjadian murid secara holistik. Murid bukan sahaja boleh memahami ilmu yang diterima, akan tetapi dapat menaakul dan mengaplikasikan ilmu tersebut dalam kehidupan mereka. Bagi mencapai matlamat tersebut, PAK21 diperkenalkan dan mula dilaksanakan pada tahun 2014 sebagai usaha untuk meningkatkan prestasi sekolah dan murid agar dapat bersaing secara global. Pelaksanaan PAK21 ini mendorong guru dan murid untuk melakukan perubahan yang besar semasa sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Murid perlu bertindak lebih aktif di dalam kelas, bukan hanya sebagai penerima maklumat tetapi menjadi sebahagian daripada penyampai maklumat manakala guru pula sebagai pembimbing dan pemudah cara perlu lebih kreatif dalam pengajaran serta memastikan elemen PAK21 seperti komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta pengaplikasian nilai murni dan etika berlaku di dalam bilik darjah.

Kajian berkenaan pelaksanaan PAK21 dalam bilik darjah adalah penting dalam memastikan guru dapat memainkan peranan dalam menggalas tugas dan tanggungjawab untuk melahirkan modal insan yang holistik seperti yang diinginkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Tugas guru yang hanya mengajar di dalam bilik darjah kini perlu memikul tanggungjawab sebagai pemudah cara dalam mendidik generasi abad ke-21 masa kini. Terutama sekali bagi subjek Pendidikan Islam yang berfokus kepada pembentukan akhlak dan sahsiah murid. Oleh itu, guru perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap yang professional (Mohammad Sani & Abdul Hafiz, 2021) agar dapat menarik minat murid untuk terus belajar. Guru perlu merancang dan mengatur proses PdPc mengikut keperluan murid secara individu mahupun kumpulan. Perubahan yang dilaksanakan oleh KPM ini bertujuan untuk menjadikan sistem pendidikan negara dapat melahirkan modal insan yang mampu bersaing secara global. Penglibatan secara aktif di dalam bilik darjah merupakan langkah awal dalam membentuk generasi kini menjadi seorang berkebolehan dan berkeyakinan pada masa akan datang. Namun, adakah semua guru Pendidikan Islam telah melaksanakan PAK21 dalam PdPc mereka ataupun mereka masih mengamalkan kaedah pembelajaran tradisional yang berpusatkan guru.

Justeru, satu kajian tinjauan dilaksana bagi menjawab persoalan tersebut. Objektif penulisan ini adalah bertujuan untuk meneroka perlaksanaan PAK21 dalam kalangan guru Pendidikan Islam serta meninjau isu dan cabaran yang dihadapi oleh para guru dalam melaksanakan PAK21 dalam PdPc mereka. Penulis akan menjelaskan 4 bahagian utama dalam penulisan ini. Bahagian pertama akan membincangkan kajian kepustakaan yang terbahagi kepada 5 subtopik yang berkaitan dengan pembelajaran abad ke-21. Seterusnya menerangkan metodologi yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian. Bahagian ketiga, penulis akan menyatakan dapatan kajian dan akhir sekali membincangkan hasil dapatan kajian dan kesimpulan.

## KAJIAN KEPUSTAKAAN

### Pengetahuan, Kemahiran dan Amalan PAK21 dalam PdP

Pembelajaran abad ke-21(PAK21) merupakan salah satu inisiatif KPM dalam menjadikan sistem pendidikan negara mampu melahirkan generasi yang berkebolehan dalam menghadapi keperluan global pada masa kini. Hal ini kerana, kompetensi global masa kini memerlukan individu yang memiliki pelbagai kemahiran seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir kreatif dan kritis serta kemahiran dalam menyelesaikan masalah (Nor Shela & Mohd Shafie, 2019). Sehubungan dengan itu, KPM sentiasa menggalakkan para guru untuk berinisiatif dalam meningkatkan pembangunan kendiri dengan sentiasa menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran serta mengaplikasikan kaedah pengajaran yang bersesuaian dalam memenuhi keperluan abad ke-21. Oleh itu, guru harus kreatif dalam menerapkan elemen PAK21 dalam kaedah pengajaran mereka dengan melibatkan murid secara aktif di dalam kelas serta mendorong mereka untuk berfikiran kreatif dan kritis dengan memasukkan unsur KBAT dalam pembelajaran.

PAK21 memerlukan murid menguasai 4 kemahiran iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir secara kritis, kemahiran kolaboratif dan kreativiti. Murid juga perlu mengaplikasikan nilai murni dan etika dalam kehidupan harian mereka. Para guru memainkan peranan utama dalam merealisasikan visi PPPM 2013-2025 dengan menggalas tanggungjawab memupuk kemahiran PAK21 dalam kalangan murid. Hal ini kerana, keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran berteraskan PAK21 bergantung kepada kemahiran dan kesediaan guru dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran demi mencapai matlamat PAK21 iaitu kemenjadian murid secara holistik (Wardyawaty & Mohd Isa, 2020).

Namun kajian Mashira et al., (2019) mendapatkan bahawa masih ramai guru tidak pasti cara melaksanakan aktiviti yang dicadangkan dalam PAK21 seperti *lesson study*, *learning walk*, *peer coaching*, *teacher sharing session* dan *video critics*. Terdapat sebahagian guru telah melaksanakan aktiviti PAK21 yang dianggap mudah seperti *flipped classroom* serta pelaksanaan projek inovasi. Para guru juga menggunakan kemudahan teknologi ICT dalam melaksanakan PAK21 semasa PdP mereka. Situasi ini menunjukkan pelaksanaan PAK21 telah mula dijalankan di sekolah-sekolah mengikut kemahiran dan kefahaman para guru. Namun, ini tidak menolak kenyataan bahawa sebahagian guru masih kurang menguasai PAK21 dan memilih untuk meneruskan pendekatan berpusatkan guru dalam bilik darjah.

Kajian Norazlin dan Siti Rahaimah (2019) menunjukkan pelaksanaan PAK21 dalam PdP masih di tahap yang rendah walaupun guru menyedari manfaat dan kepentingan PAK21. Selain itu, kajian mendapati terdapat guru yang kurang memahami pelaksanaan PAK21 dan tidak menguasai kemahiran mengajar dengan menjadikan mereka lebih selesa menggunakan kaedah pengajaran tradisional. Hasil kajian Mazarul, Maizura dan Norazimah (2020) mendapatkan bahawa guru Pendidikan Islam di kawasan Pelabuhan Klang, Selangor mempunyai tahap kesediaan yang sangat baik dari sudut pengetahuan dalam melaksanakan PAK21. Mereka menunjukkan kesungguhan untuk menambah ilmu pengetahuan tentang pelaksanaan PAK21 bagi meningkatkan kualiti pengajaran mereka. Dalam memastikan pelaksanaan PAK21 memberi kesan positif kepada murid, guru perlu memiliki pengetahuan dan kefahaman yang

jelas berkenaan pelaksanaan PAK21 dan ia harus seiring dengan kemahiran yang dimiliki oleh guru sama ada kemahiran teknologi, pedagogi mahupun komunikasi interpersonal.

Guru seharusnya mempunyai pengetahuan pedagogi, mengetahui teknik dan kaedah pengajaran serta mempunyai kemahiran dalam merancang dan melaksanakan tugas agar dapat melaksanakan PAK21 dalam pengajaran dengan lebih berkesan dan bermakna kepada anak didik (Manibarathi & Sofwan, 2022). Dalam menghasilkan kaedah pengajaran yang pelbagai, guru perlu menitikberatkan elemen-elemen PAK21 seperti kemahiran berfikir secara kritis kemahiran kolaborasi, kemahiran komunikasi dan kreativiti (Hisyamuddin, 2020). Justeru, guru perlu sentiasa berinisiatif dalam menambah ilmu pengetahuan dan kemahiran kendiri agar dapat menjalankan PdPc dengan cemerlang dan berkesan.

Pelaksanaan PAK21 turut melibatkan penyampaian ilmu secara bersepadu melalui aktiviti pembelajaran. Guru boleh menggunakan teknologi sebagai medium perkongsian maklumat. Ini memerlukan kreativiti guru dalam menghasilkan bahan bantu berasaskan teknologi disamping menarik murid untuk terlibat aktif di dalam kelas. Kaedah interaktif yang digunakan dalam PdPc guru mampu membangunkan kognitif murid seterusnya mengaplikasinya dalam memperkasakan kemahiran berfikir aras tinggi (Mohd Maziz et al., 2021). Pendekatan kaedah interaktif ini bukan sahaja mendorong murid untuk terlibat aktif dalam sesi PdP malah membantu mereka untuk lebih mudah faham topik yang dipelajari. Secara tidak langsung, guru dapat melihat kebolehan serta bakat yang dimiliki oleh murid melalui penglibatan mereka di dalam kelas.

Antara lain, terdapat 6 dimensi kemahiran PAK21 yang perlu dikuasai oleh guru. Antaranya ialah menguasai subjek yang diajar dengan baik, mempunyai kemahiran dalam pedagogi, mengikuti dan memahami perkembangan anak didik dengan penuh kasih sayang, menguasai psikologi pendidikan, memiliki ilmu kaunseling dan berkemahiran dalam penggunaan teknologi terkini (Ng Lee, Hazura & Zubaidah, 2020). Peranan guru sebagai pemudah cara dalam PdPc tidak terhad sebagai pembimbing atau fasilitator sahaja. Guru juga berperanan sebagai pendorong kepada penglibatan murid di dalam bilik darjah. Terdapat sebahagian murid memiliki sifat rendah diri dan pasif di dalam kelas. Oleh itu, menjadi tugas seorang guru untuk memberi dorongan dan galakan kepada setiap murid untuk berani mencuba dalam pelaksanaan PAK21.

### **Pelaksanaan PAK21 dalam Pengajaran Pendidikan Islam**

Kemahiran PAK21 perlu diterapkan dalam pengajaran Pendidikan Islam kerana ia akan melatih murid berfikir secara kritis apabila berhadapan dengan permasalahan agama suatu hari nanti. Antara kemahiran yang terdapat dalam PAK21 yang dapat disesuaikan dalam silibus Pendidikan Islam ialah pengaplikasian nilai murni dan etika menerusi pembelajaran adab. Penguasaan ilmu seorang murid diambil kira berdasarkan penghayatan dan pengamalan ilmu dalam kehidupan harian mereka. Sekiranya murid mengaplikasikan ilmu yang telah dipelajari, ini menunjukkan murid tersebut telah menguasai ilmu sepenuhnya.

Selain itu, kemahiran berfikir aras tinggi dapat diterapkan dalam Pendidikan Islam melalui aktiviti soal jawab serta penyelesaian masalah melalui projek. Kaedah soal jawab ini boleh diaplikasikan dalam bidang akidah ataupun ibadah. Guru boleh mengutarakan

permasalahan dalam ibadah kemudian meminta murid mencari jalan penyelesaiannya. Kaedah ini boleh disepadukan dengan kaedah perbincangan seterusnya dapat menambahkan lagi keberkesanan pembelajaran di samping membantu meningkatkan kecerdasan otak, mencungkil bakat dan dapat menghidupkan suasana pembelajaran selain meningkatkan motivasi murid (Nor Syahirah & Mohd Aderi, 2021)

Pdpc Pendidikan Islam boleh dijalankan melalui kaedah projek (Ahmad Farhan, Mohd Isa & Mohd Aderi, 2016). Pembelajaran berdasarkan projek merupakan pembelajaran berpusatkan murid yang memerlukan murid menghasilkan idea yang diterjemahkan dalam bentuk fizikal. Pelbagai kemahiran yang dapat diperoleh oleh murid melalui penghasilan projek. Murid dapat menerapkan pemikiran kreatif, kemahiran menyelesaikan masalah serta berkolaboratif dengan rakan lain untuk menghasilkan projek yang berkualiti. Dengan itu, murid akan mendapat pengalaman serta mengembangkan potensi diri secara global dan menyeluruh. Guru juga dapat melaksanakan pembelajaran secara interaktif melalui penggunaan teknologi dalam penyediaan bahan bantu serta penilaian. Pendekatan kaedah interaktif dapat mendorong dan memotivasi murid untuk tampil berani melibatkan diri semasa proses PdPc. Melalui kaedah ini juga bidang Pendidikan Islam dapat disampaikan kepada murid secara holistik (Mohd Maziz, Saifulazry & Kasoma, 2021)

Antara cara menunjukkan tahap kefahaman murid terhadap topik pembelajaran penggunaan *traffic light* merupakan satu kaedah yang kreatif. Interaksi antara murid yang telah dilaksanakan dalam PAK21 merupakan pendedahan awal kepada murid dalam menguasai kemahiran komunikasi. Kemahiran ini sangat berguna apabila murid mula melangkah ke alam pekerjaan yang melibatkan rundingan pemujukan serta membincangkan sesuatu isu (Nor Shela & Mohd Shafie, 2019). Pelaksanaan PAK21 telah mendorong murid saling berkomunikasi secara aktif, berbincang untuk mendapatkan maklumat serta saling bekerjasama antara mereka semasa proses PdPc (Mashira et al., 2019).

Seterusnya, kemahiran kolaborasi dapat diterapkan dalam Pendidikan Islam sama ada kolaborasi dalam menghasilkan projek ataupun perkongsian maklumat. Pelaksanaan aktiviti kolaborasi memerlukan murid bertindak secara berkumpulan ataupun berpasangan. Aktiviti ini dapat merangsang metakognitif murid iaitu mereka menyedari perkara yang diketahui dan tidak diketahui sepanjang melaksanakan tugas. Dengan ini, pelajar dapat meningkatkan lagi kemahiran-kemahiran lain yang boleh menjadi nilai tambah dalam diri mereka kelak seperti bertanggungjawab, menjadi pemimpin yang berjaya dan mempunyai semangat bersaing dengan sihat.

Kemahiran yang diterapkan dalam PAK21 merupakan kemahiran yang diperlukan dalam memenuhi kompetensi global masa kini. Dengan menjadikan kemahiran PAK21 sebagai teras dalam pengajaran ia akan menjadikan murid semakin aktif dalam proses PdPc. Seterusnya akan membentuk generasi yang berkeupayaan dalam berfikir secara kritis dan inovatif. Kajian yang telah dijalankan oleh Ainun, Zamri dan Wan Muna (2017) mendapati bahawa pengaplikasian PAK21 telah menunjukkan kesan positif kepada murid. Aktiviti PAK21 telah menggalakkan murid berfikir secara kritis dan kreatif serta memberi peluang kepada mereka untuk meneroka ilmu bersama guru dan rakan. Selain itu, guru turut memberi peluang kepada murid untuk berkongsi idea dan maklumat melalui aktiviti kumpulan. Dalam masa yang sama

pelaksanaan PAK21 dalam pengajaran telah meningkatkan motivasi murid dari segi sikap dan keinginan untuk mempelajari subjek tersebut.

### **Cabaran Pelaksanaan PAK21 bagi Subjek Pendidikan Islam**

Pelaksanaan PAK21 dalam PdPc guru dapat membentuk kemenjadian murid menjadi modal insan yang berdaya saing pada masa akan datang. Namun begitu, guru dan murid perlu berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam menjayakan pelaksanaan PAK21 semasa proses PdPc. Apatah lagi, kemahiran PAK21 perlu diterapkan dalam tempoh pengajaran yang singkat. Hal ini menyukarkan para guru kerana setiap murid mempunyai tahap pengetahuan, gaya pembelajaran dan minat yang berbeza.

Antara isu dan cabaran pelaksanaan PAK21 ialah isi kandungan yang padat dalam silibus pengajaran sementara guru perlu mengejar tempoh masa tertentu untuk menghabiskan silibus yang telah ditetapkan. Hal ini turut melibatkan peruntukan masa yang terhad kerana sistem pendidikan di peringkat sekolah masih mengamalkan penilaian berasaskan ujian (Mashira et al., 2019). Bukan itu sahaja, kurangnya kemahiran serta kefahaman berkenaan PAK21 menjadi kekangan utama dalam menjayakan pelaksanaan PAK21 dalam PdPc guru.

Dapatan lain yang diperolehi oleh Norazlin dan Siti Rahaimah (2019) berkaitan dengan isu dan cabaran pelaksanaan PAK21 dalam pendidikan ialah kurangnya bahan dan kemudahan infrastruktur teknologi di sekolah. Dalam pelaksanaan PAK21, guru perlu menyediakan bahan pengajaran yang menarik dan bersesuaian dengan topik pembelajaran. Namun, penyediaan bahan tersebut memerlukan masa dan menjadi beban kepada para guru kerana guru perlu mengajar subjek yang pelbagai serta kelas yang berbeza. Antara lain, PAK21 memerlukan teknologi ICT sebagai bahan bantu berbentuk interaktif. Namun, kemudahan teknologi tidak dimiliki oleh setiap sekolah di seluruh negara lebih-lebih lagi sekolah yang terletak di luar bandar dan kawasan pedalaman. Hal ini menyukarkan guru mengaplikasikan PAK21 dalam PdPc mereka. Bukan itu sahaja, masalah peranti dan capaian internet dalam kalangan murid juga menghalang berlakunya pembelajaran interaktif yang memerlukan murid menggunakan aplikasi tertentu sebagai medium mendapatkan maklumat (Mohd Maziz et al., 2021).

Justeru, guru harus bertanggungjawab dalam memastikan murid kekal bermotivasi dan meminati mata pelajaran melalui teknik dan pendekatan pengajaran yang pelbagai. Pendekatan pengajaran yang berkesan memainkan peranan penting dalam meningkatkan keupayaan murid menguasai pengetahuan dan kemahiran yang mereka perlukan. Keberkesanannya sesuatu proses pembelajaran menuntut guru untuk memahirkannya diri dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran. Namun, cabaran menghadapi kurikulum yang padat dan isu peperiksaan berpusat memaksa guru untuk fokus kepada penghabisan silibus dan menyediakan murid untuk peperiksaan.

### **METODOLOGI**

Kajian kualitatif ini bertujuan untuk meneroka pelaksanaan PAK21 dalam PdPc guru Pendidikan Islam di sebuah SK Agama di daerah Mukah. Data diperoleh melalui temubual bersama 2 orang responden dan bahan bertulis berbentuk rancangan pengajaran dan rekod

pelaksanaan aktiviti di dalam bilik darjah. Kajian ini melibatkan 2 Guru Pendidikan Islam di sekolah tersebut yang mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 10 tahun. Selain itu, responden juga merupakan guru yang mempunyai kemahiran dalam mengendalikan peralatan teknologi serta telah menerima pendedahan berkenaan PAK21. Kedua-dua responden pernah berhadapan dengan murid yang mempunyai tahap kebolehan yang berbeza. Setiap peserta kajian diberikan kod pseudonym R1 dan R2 bagi menggantikan penggunaan nama sebenar mereka bagi menjaga kerahsiaan peserta dan mematuhi etika pelaksanaan kajian.

Bagi mendapatkan data pelaksanaan Pendidikan PAK 21 dalam kalangan guru GPI, kaedah temu bual dengan soalan terbuka telah diaplikasikan. Kaedah temu bual dipilih kerana ia bersesuaian dengan bilangan responden yang sedikit untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat dan menyeluruh. Kaedah temu bual membuka ruang kepada pengkaji untuk mendapat maklumat berkaitan, pengetahuan, amalan pelaksanaan PAK 21 serta cabaran yang dihadapi oleh guru. Pengkaji turut menggunakan kaedah analisis dokumen untuk mendapatkan maklumat berkenaan pelaksanaan PAK21 dalam PdPc guru Pendidikan Islam. Kaedah analisis dokumen merupakan sumber yang paling mudah kerana maklumat yang diperlukan oleh pengkaji sedia ada. Pengkaji menganalisis pelaksanaan PAK21 melalui analisis rancangan pengajaran, rekod bergambar serta bahan bantu yang telah disediakan oleh guru.

## DAPATAN KAJIAN

Responden kajian terbatas kepada guru Pendidikan Islam di sebuah SK Agama di Mukah. Dapatan kajian terbahagi kepada 4 tema utama dengan beberapa sub tema.

### **Pengetahuan mengenai PAK21**

Dalam memastikan PAK21 memberi kesan positif kepada murid, guru perlu memiliki pengetahuan dan kefahaman yang jelas berkenaan PAK21. Tema dapatan kajian berkaitan pengetahuan mengenai PAK21 terbahagi kepada 4 sub tema seperti berikut:

#### **a. Konsep**

Daripada hasil temubual, pengkaji mendapati kedua-dua informan menyatakan PAK21 merupakan proses pembelajaran berpusatkan murid sementara guru bertindak sebagai pemudah cara. R1 menyatakan “*Mengikut fahaman saya, PAK21 ialah proses pembelajaran yang berpusatkan murid. Guru berperanan sebagai penunjuk cara sahaja*”. Manakala R2 berpandangan “*PAK21 ni pembelajaran berpusatkan murid. Kita sebagai guru hanya menunjuk cara kepada murid, selebihnya murid yang akan melakukan aktiviti tersebut sambil dibimbing oleh kita*”.

#### **b. Elemen**

Kedua-dua informan turut menyenaraikan lima elemen PAK21 iaitu 4K 1N. Ini berdasarkan pandangan R1 “... merangkumi 5 elemen utama iaitu komunikasi, kreativiti, nilai murni dan

*etika, pemikiran kritis dan kolaboratif”* dan R2 “*PAK21 ada 5 kemahiran yang perlu dititik beratkan iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran berkolaboratif, kemahiran berfikir secara kritis dan penerapan nilai murni”.*

### c. Matlamat

Daripada hasil temubual, pengkaji mendapati kedua-dua informan menyatakan matlamat PAK21 adalah untuk melatih murid menguasai lima elemen utama PAK 21. Ini berdasarkan pernyataan: “*Matlamatnya adalah untuk melatih murid mahir berkomunikasi, mampu berkolaborasi dan menyelesaikan masalah atau apa-apa isu dalam realiti kehidupan*” (R1) dan “*Tujuan PAK21 ini diperkenalkan adalah supaya dapat melahirkan murid yang mempunyai semua kemahiran yang saya sebut dalam 5 elemen tadi*” (R2)

### d. Aktiviti

Sub tema keempat berkaitan pengetahuan guru ialah mengenai aktiviti PAK21 hanya disebut dalam sesi temubual bersama R1. R1 menyatakan: “*Banyak aktiviti yang boleh kita guna contohnya seperti aktiviti berdasarkan projek, Rally Robin, Spin-n-Think..*”

### Pelaksanaan PAK21 dalam subjek Pendidikan Islam

Seterusnya pengkaji mengemukakan soalan untuk meneroka pelaksanaan PAK21 dalam PdPc guru Pendidikan Islam. Hasil dari temu bual mendapati guru Pendidikan Islam telah melaksanakan PAK21 dalam PdP mereka dengan baik. Mereka menggunakan aktiviti PAK21 dalam pembelajaran di setiap bidang Pendidikan Islam mengikut kesesuaian. Jadual 1 merupakan dapatan pelaksanaan PAK21 yang dilaksanakan oleh informan mengikut bidang.

Jadual 1. Pelaksanaan PAK21

Tema	Sub-Tema	Pelaksanaan	
		R1	R2
Pelaksanaan PAK21	Bidang Jawi	/	/
	Bidang Quran	/	/
	Bidang Ulum Syariah	/	/

Jadual 1 menunjukkan kedua-dua informan telah melaksanakan PAK21 mengikut bidang yang terdapat dalam Pendidikan Islam seperti bidang Quran, Jawi dan Ulum Syariah. Mereka telah menggunakan beberapa aktiviti yang dicadangkan dalam buku Panduan Pelaksanaan Pendidikan Abad ke-21 yang disediakan oleh Pasukan Pemikir Pendidikan Abad ke 21, Institut Aminuddin Baki. Antara aktiviti PAK21 yang digunakan oleh informan dalam pembelajaran al-Quran ialah kaedah Rally Robin dan Pick & Share.

“..saya selalu menggunakan kaedah Rally Robin. Rally Robin ni cara yang biasa kita buat iaitu Talaqqi Musyaffahah. Murid berpasangan bergilir memberi respon bacaan dalam hafazan surah pilihan.” (R1)

“Dalam bidang Quran saya gunakan kaedah Think, Pair, Square. Murid diberi topik untuk dibincangkan secara berpasangan. Contohnya tentang intisari surah. Kemudian mereka perlu berkongsi hasil perbincangan dengan pasangan lain” (R2)

Untuk Bidang jawi pula R1 telah menggunakan kaedah spin-n-think. R1 menggunakan kad bod yang ada anak panah sebagai bahan bantu mengajar yang dibina sendiri oleh R1. Dari pemerhatian pengkaji, aktiviti ini sangat mengujakan para pelajar. Semua pelajar terlibat secara aktif dalam aktiviti yang dijalankan. Menurut R1:

“Kalau dalam bidang jawi, saya pernah menggunakan kaedah spin-n-think. Saya menggunakan kad bod yang ada anak panah dipusingkan untuk menentukan giliran siapa yang menyatakan suku kata terbuka, siapa yg mengeja perkataan tersebut dan siapa yang menulis perkataan tersebut dengan betul.”

Manakala R2 telah menggunakan kaedah Pick & Share dalam aktiviti jawi. Murid dibahagi kepada beberapa kumpulan. Kemudian murid akan mengambil salah satu sampul dan berkongsi soalan kepada semua kumpulan. Selain itu, aktiviti PAK21 turut diaplikasikan dalam bidang ulum syariah yang merangkumi bidang akidah, sirah dan adab. R1 menyatakan

“Dalam bidang ulum, saya menggunakan Mix n Match dalam topik istinjaq. Murid bergerak mencari bahan yang boleh dipadankan dengan alat istinjaq yang ada pada diri mereka”. R2 pula menyatakan beliau mengaplikasi aktiviti team word web: “Saya aplikasikan aktiviti team word web. Aktiviti ni memerlukan murid untuk menulis topik ditengah kertas mahjong kemudian ahli pasukan menulis idea dalam peta minda mengikut warna.

Bukan itu sahaja, responden juga melaksanakan aktiviti berdasarkan projek. Murid diberikan projek menghasilkan sendiri “*Lapbook*” yang mengandungi tajuk yang telah dipilih. Aktiviti berdasarkan projek biasanya diberikan kepada murid tahap 2.

“Ada seorang ustazah sekolah ni juga pernah buat aktiviti berdasarkan projek. Setiap murid diberikan tajuk tertentu, kemudian mereka perlu menghasilkan Lapbook berdasarkan tajuk yang mereka dapat. Saya ada tengok hasil murid-murid tersebut. Cantik-cantik dan sangat kreatif. Walaupun sebenarnya kita tahu, hasil yang mereka buat tu bukan 100% mereka buat sendiri. Mesti dibantu oleh ibubapa di rumah juga. Tapi, sekurang-kurangnya mereka dapat belajar untuk lebih kreatif sepanjang proses menyiapkan lapbook tu” (R2)

## Cabaran Pelaksanaan PAK21

Dapatan seterusnya berkaitan tema cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam sepanjang melaksanakan PAK21 dalam bilik darjah. R1 menyatakan beliau hanya berhadapan dengan masalah sikap murid yang menjadikan aktiviti yang telah dirancang tidak berjalan seperti yang diharapkan. Menurut R1: “*Terdapat sebahagian murid yang bersikap pasif dengan tidak memberikan kerjasama dengan baik kerana malu untuk berinteraksi dengan rakan-rakan dan mungkin juga sebab tidak tahu jawapan.*” Sedangkan R2 tidak merasakan sikap murid sepanjang melaksanakan aktiviti PAK21 menjadi satu masalah besar. Beliau berpendapat terdapat beberapa orang murid yang lemah berbanding rakan yang lain merupakan perkara biasa. “*Terdapat juga seorang dua murid yang agak slow. Itu perkara biasa.*” (R2)

Apabila disoal berkenaan prasarana sekolah, kedua-dua informan menafikan prasarana sekolah menjadi penghalang kepada pelaksanaan PAK21. Sekolah telah menyediakan beberapa kemudahan seperti bilik komputer, LCD dan televisyen untuk kemudahan pengajaran guru.

“*Kita tidak ada masalah dengan prasarana sekolah. Walaupun jaringan internet kita terhad, hanya meliputi kawasan bangunan pentadbiran sahaja, tapi kita masih boleh aplikasikan PAK21. Kita masih ada bilik komputer, LCD sekolah pun boleh guna kalau cikgu-cikgu nak guna. Lagipun, aktiviti PAK21 perlu kreativiti guru. Tidak boleh terikat dengan satu-satu bahan sahaja*” (R2)

Dari tinjauan pengkaji di sekolah tersebut, bilik agama telah dilengkapi dengan televisyen untuk memudahkan guru memaparkan bahan pengajaran kepada murid. Bilik komputer juga telah dilengkapi penghawa dingin untuk keselesaan murid semasa menggunakan kemudahan tersebut.

## Kemenjadian Murid

Selain dari itu, kajian ini turut mendapat maklum balas dari responden mengenai kemenjadian murid hasil daripada pelaksanaan PAK21 dalam subjek Pendidikan Islam. Kedua-dua responden menyatakan PAK21 dalam PdPc Pendidikan Islam berjaya membentuk kemenjadian murid kerana murid bebas bersuara dan melontarkan pendapat masing-masing. Di samping meningkatkan prestasi akademik murid, aktiviti PAK21 juga berjaya mencungkil bakat terpendam murid melalui aktiviti lakonan, kebolehan bercerita, menyanyi dan sebagainya. Aktiviti seperti ini menjadikan murid semakin berani menonjolkan diri serta lebih positif sepanjang sesi pembelajaran dijalankan. Oleh itu, hasil temubual mendapati terdapat 3 sub tema berkaitan kemenjadian murid iaitu:

### a. Sikap Murid

Menurut kenyataan kedua-dua informan, pelaksanaan aktiviti PAK21 telah menjadikan pelajar lebih positif sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran. Apabila semua murid terlibat secara

aktif dalam pembelajaran guru, secara tidak langsung ia telah menjadikan murid lebih berkeyakinan dan tidak malu untuk melontarkan pendapat masing-masing.

*R1: “Murid lebih positif dan seronok la sepanjang kita mengajar. Semua jadi aktif, yang tak berapa aktif tu at least dia ada berkomunikasi dengan kawan-kawan.”*

*R2: “Ya, amalan PAK21 dalam PdPc Pendidikan Islam berjaya membentuk kemenjadian murid kerana murid bebas bersuara & melontarkan pendapat. Murid juga ke arah yang lebih positif bila diberi keyakinan untuk melaksanakan aktiviti bersama rakan2..”*

#### **b. Prestasi Murid**

Informan juga menyatakan bahawa sejak mereka melaksanakan aktiviti berteraskan PAK21, prestasi akademik murid semakin meningkat. Guru mudah menilai tahap penguasaan pelajar melalui penglibatan mereka semasa sesi pengajaran.

*R1: “Prestasi akademik mereka juga meningkat. Kan sekarang ada penilaian PBD, guru menilai dan memberikan markah berdasarkan penglibatan murid juga. Jadi, bila kita bagi markah penglibatan murid dalam kelas, mereka akan berlumba-lumba untuk jadi paling aktif, dari situ lah proses pembelajaran berlangsung. Mereka boleh buat semasa aktiviti di dalam kelas, dalam ujian pun mereka boleh jawab sebab mereka akan ingat apa yang dipelajari melalui aktiviti tu. ”*

*R2: “Apabila murid memahami topik2 yang disampaikan melalui aktiviti PAK21, prestasi akademik akan meningkat.”*

#### **c. Potensi Murid**

Hasil temubual berkaitan kemenjadian murid juga mendapati menerusi aktiviti PAK21 dapat mengasah dan mencungkil bakat murid. Guru boleh melihat kemampuan murid seperti kebolehan bercerita, berlakon dan bersajak. Menurut R1: “Secara tidak langsung, kita boleh nampak potensi murid. Ada yang boleh bercerita, berlakon dan menyanyi”.

### **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

Secara keseluruhan, hasil kajian ini menunjukkan dapatan yang positif kerana guru Pendidikan Islam di SK Agama tersebut telah melaksanakan Pembelajaran Abad Ke 21 dengan jayanya. Rata-rata guru Pendidikan Islam mengetahui dengan jelas PAK21 dengan menyenaraikan elemen utama dalam PAK21 serta matlamat yang harus dicapai. Hal ini selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Mazarul, Maizura dan Norazimah (2020) yang mendapati bahawa

guru Pendidikan Islam di kawasan Pelabuhan Klang, Selangor mempunyai tahap kesediaan yang sangat baik dari sudut pengetahuan dalam melaksanakan PAK21. Dengan ini, ia dapat membuktikan bahawa tidak semua guru tidak melaksanakan PAK21 seperti dalam kajian Mashira et al., (2019); Norazlin dan Siti Rahaimah (2019) iaitu pelaksanaan PAK21 dalam kalangan guru masih di tahap yang rendah dan hanya memilih aktiviti yang mudah dilaksanakan sahaja.

Selain itu, pelaksanaan PAK21 dalam setiap bidang dalam subjek pendidikan Islam juga telah menunjukkan guru Pendidikan Islam telah berusaha dengan gigih bagi memastikan PAK21 dilaksanakan dalam PdPc mereka. Hal ini kerana, mewujudkan aktiviti yang bersesuaian mengikut bidang serta memastikan objektif pembelajaran tercapai bukanlah perkara mudah. Guru perlu mengambil kira tahap kebolehan murid yang pelbagai dalam sebuah kelas kemudian merancang aktiviti yang boleh dilakukan oleh semua murid. Oleh itu, pentingnya pengetahuan dan kefahaman yang jitu terhadap konsep pelaksanaan PAK21. Guru tidak perlu terikat dengan cadangan aktiviti yang disebut dalam panduan pelaksanaan Pendidikan abad Ke 21 yang disediakan oleh Pasukan Pemikir Pendidikan Abad ke 21, Institut Aminuddin Baki. Guru hanya perlu melaksanakan aktiviti berpandukan kemahiran yang ingin dinilai mengikut kreativiti masing-masing.

Hasil daripada pelaksanaan PAK21 dalam subjek Pendidikan Islam dapat melahirkan murid yang sentiasa positif dan aktif di dalam bilik darjah. Kajian ini juga mendapati aktiviti PAK21 dapat membentuk kemenjadian murid yang mempunyai pelbagai kemahiran seperti kemahiran berkomunikasi, berkolaborasi, berkreativiti serta lebih berkeyakinan dalam menonjolkan potensi diri. Dapatkan ini menyokong hasil kajian yang dijalankan oleh Ahmad Farhan, Mohd Isa dan Mohd Aderi (2016). Menurut kajian tersebut pembelajaran berdasarkan projek yang terdapat dalam PAK21 merupakan pembelajaran berpusatkan murid yang memerlukan murid menghasilkan idea yang diterjemahkan dalam bentuk fizikal. Pelbagai kemahiran yang dapat diperoleh oleh murid melalui penghasilan projek. Murid dapat menerapkan pemikiran kreatif, kemahiran menyelesaikan masalah serta berkolaboratif dengan rakan lain untuk menghasilkan projek yang berkualiti. Dengan itu, murid akan mendapat pengalaman serta mengembangkan potensi diri secara global dan menyeluruh.

Manakala, hasil pembacaan pengkaji dari penulisan kajian lepas, guru berhadapan dengan masalah prasarana sekolah yang kurang peralatan teknologi. Hal ini tidak dihadapi oleh responden kajian di Mukah. Sepanjang pemerhatian pengkaji, sekolah ini terletak di luar bandar yang mempunyai jaringan internet yang terhad. Internet hanya meliputi kawasan bangunan pentadbiran sahaja, tidak meliputi bangunan kelas. Namun begitu, guru Pendidikan Islam di sekolah ini menggunakan aktiviti yang tidak memerlukan teknologi internet dalam PAK21 dan akan menggunakan kemudahan bilik komputer sekiranya benar-benar perlu menggunakan talian internet. Ini menunjukkan guru di sekolah ini sentiasa berinisiatif untuk melaksanakan PAK21 seperti yang disarankan oleh KPM bagi memastikan matlamat pendidikan negara tercapai.

Namun, sikap murid sepanjang menjalankan aktiviti PAK21 merupakan cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam di SK Agama tersebut. Cabaran berbentuk sikap murid jarang dibincangkan dalam kajian lepas. Sikap negatif yang ada dalam generasi muda masa kini diakui sangat mencabar kredibiliti guru, bahkan ibu bapa juga turut terkesan. Akan tetapi,

cabaran ini masih boleh diatasi sekiranya ia melibatkan beberapa orang murid sahaja. Guru boleh menggunakan pengaruh rakan sebaya dalam mempengaruhi sikap negatif murid kepada sikap yang lebih positif. Hal ini kerana dari sudut psikologinya, manusia akan lebih mudah terikut sifat atau sikap orang di sekeliling mereka melalui pembelajaran sosial. Sifat semulajadi manusia yang suka kepada persaingan juga dapat menjadikan murid yang malas berusaha akan lebih bersungguh-sungguh untuk mengatasi rakan yang lain.

Oleh itu, pelaksanaan PAK21 merupakan kaedah terbaik dalam menyingkirkan sifat negatif yang ada pada murid. Bagi memastikan PAK21 dapat dilaksanakan dengan baik, guru hendaklah menguasai dengan baik kemahiran serta mengetahui dengan jelas mengenai PAK21. Justeru, guru perlu sentiasa berusaha menambah ilmu pengetahuan serta kemahiran dalam pengajaran agar dapat melahirkan murid yang mempunyai kemahiran yang pelbagai disamping dapat mewujudkan suasana pembelajaran lebih menyeronokkan. Menerusi penulisan ini, diharap dapat membuktikan kepada masyarakat bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia bersama guru-guru seluruh negara sentiasa berusaha untuk menambahbaik sistem pendidikan negara mengikut kesesuaian peredaran masa. Sungguhpun terdapat sebahagian guru lebih selesa menggunakan kaedah pengajaran tradisional, dalam masa yang sama ada lebih ramai lagi pendidik yang sentiasa berusaha meningkatkan kemahiran dan mempelbagaikan kaedah pengajaran dalam bilik darjah.

## RUJUKAN

- Abu Bakar, N. S., & Che Noh, M. A. 2022. Kaedah Perbincangan dalam Pengajaran Pendidikan Islam di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Nusantara* 1(1): 89–99.
- Ahmad Farhan Jusoh, Mohd Isa Hamzah & Mohd Aderi Che Noh. Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Melalui Kaedah Projek. *Wacana Pendidikan Islam Siri ke 11.*
- Chazan, B. 2022. "What Is "Education?". Principles and Pedagogies in Jewish Education. *Palgrave Macmillan, Cham*:13–21.
- Manibarathi Nagaretnam & Muhammad Sofwan Mahmud. 2022. Kesediaan Guru dan Keberkesanan Pelaksanaan Pengajaran Matematik Abad Ke-21 di Sekolah Rendah: Sebuah Tinjauan Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 7(11).
- Mashira Yahaya, Rusyati Hanafiah, Nor Sazila Zakaria, Rohana Osman & Khairul Anuar Bahrin. 2019. Amalan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Guru-Guru Sekolah Rendah. *Jurnal IPDA* 26:13-24
- Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Maizura Komari & Norazimah Zakaria. 2020. Kesediaan Guru Pendidikan Islam Dalam Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *International Journal of Education and Pedagogy* 2(2):9-17.
- Mohamad Sani Bin Taib & Dr. Abdul Hafiz bin Abdullah. 2021. Konsep Pdpc Dalam Pendidikan Islam. <https://www.researchgate.net/publication/353038582> [20 Jun 2023]
- Mohd Maziz al-Hadi Moharam, Saifulazry Mokhtar & Kasoma Thia. 2021. Pendekatan Kaedah Interaktif Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Abad Ke-21 Di

- Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kinabalu. *5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD). Johor Baharu, 03-05 Ogos.*
- Muhammad Hisyamuddin Bin Kamarudin. 2020. Amalan Pengajaran Dan Pembelajaran Abad Ke 21 Guru Guru Pendidikan Islam Daerah Cameron Highlands, Pahang. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*, hlm. 773-780.
- Ng Lee Ching, Hazura binti Abdul Rahim & Zubaidah binti Salamat. 2020. Tahap Amalan Pembelajaran Abad Ke-21 (Pak21): Satu Kajian Kes. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan* 33(1): 43-56
- Nor Shela Saleh & Mohd Shafie Rosli. 2019. Kepentingan Pembelajaran Abad ke 21 terhadap Potensi Kebolehpasaran Modal Insan. *Innovative Teaching and Learning Journal* 2(2): 71- 81.
- Nor Syahirah Abu Bakar & Mohd Aderi Che Noh. 2021. Kaedah Perbincangan dalam Pengajaran Pendidikan Islam di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Nusantara* 1(1): 89-99.
- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. 2019. Amalan Dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*, hlm.87-105
- Nur Adibah Liyana Awil & Hafizhah Zulkifli. 2021. Amalan Kreativiti Guru Pendidikan Islam dalam Pembelajaran Abad Ke-21. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 4(1): 40-54
- Rosnani Hashim, Muhammad Zahiri A. M, Adnan Abd Rashid, Ainol Madziah Z. & Mohd Farid M.S. 2022. Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Sekolah Menengah bagi Menghadapi Cabaran Pendidikan Abad Ke-21 dari Perspektif Guru. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 47(1): 65-79.
- Wardyawaty Rajikal & Mohd Isa Hamzah. 2020. Kajian Sistematik Pengajaran Abad Ke-21 (PAK21) Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI). *Malaysian Online Journal of Education* 4(2): 103-113.
- Zamri Mahamod. 2015. *Strategi pembelajaran: Inventori cara belajar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.